



PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 2022

GARIS PANDUAN MELANJUTKAN PELAJARAN KE INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ATAU MANA-MANA INSTITUSI PENGAJIAN AWAM SECARA SEPENUH MASA DAN SEPARUH MASA

1. TUJUAN

Pekeling ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai garis panduan permohonan bagi melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) atau mana-mana institusi pengajian awam samada di dalam atau luar negara secara sepenuh masa atau separuh masa kepada Pegawai Perkhidmatan Bukan Gunasama perlantikan Persekutuan di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Pegawai Bukan Gunasama yang dimaksudkan adalah terdiri daripada skim perkhidmatan Pemelihara Hutan, Pegawai Ehwal Ekonomi, Renjer Hutan/Penolong Pemelihara Hutan, Pembantu Penyelidik dan Pengawas Hutan yang sedang berkuatkuasa.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Berdasarkan waran perjawatan semasa, JPSM mempunyai sebanyak 379 jawatan yang terdiri daripada pegawai dari skim perkhidmatan Pemelihara Hutan, Pegawai Ehwal Ekonomi, Renjer Hutan/Penolong Pemelihara Hutan, Pembantu Penyelidik dan Pengawas Hutan. Pegawai berkenaan merupakan Pegawai Perkhidmatan Bukan Gunasama di mana perlantikannya adalah Pihak Berkuasa Melantik Persekutuan bagi Jabatan Perhutanan

Semenanjung Malaysia. Ketua Perkhidmatan bagi semua skim perkhidmatan yang dinyatakan di atas adalah Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM).

- 2.2 Pegawai Perkhidmatan Awam di Malaysia berpeluang untuk melanjutkan pelajaran dalam tempoh perkhidmatan pegawai tersebut sedang berkuatkuasa. Kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menawarkan kemudahan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) kepada Kumpulan Pengurusan Professional (P&P) yang ingin melanjutkan pelajaran dengan kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP). Manakala bagi Kumpulan Pelaksana, pegawai berkenaan layak dipertimbangkan untuk menikmati kemudahan Program Penajaan Kumpulan Pelaksana (PPKP) dengan kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (CBBPDB). Namun, kedua-dua kemudahan tersebut tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan oleh pihak JPA.
- 2.3 Setiap permohonan bagi mendapatkan kemudahan HLP atau PPKP ini akan dipertimbang dan diputuskan melalui Panel Pemilihan Calon Melanjutkan Pelajaran JPSM yang dipengerusikan oleh KPPSM. Walau bagaimanapun, keputusan untuk layak mendapat HLP atau PPKP berkenaan masih lagi tertakluk kepada keputusan oleh JPA. Tidak menjadi suatu tanggungjawab kepada KPPSM untuk meluluskan permohonan HLP atau PPKP kepada pegawai-pegawai tersebut walaupun mereka telah mendapat tempat di mana-mana institusi pengajian tinggi.

- 2.4 Pada ketika ini, waran perjawatan di JPSM telah memperuntukkan sebanyak 12 Jawatan Simpanan Latihan (JSL) bagi Kumpulan P&P dan Kumpulan Pelaksana yang ingin melanjutkan pelajaran sepetimana pecahan berikut:

No.	Skim Perkhidmatan	Gred	Bilangan Jawatan Simpanan Latihan
i.	Pemelihara Hutan dan Pegawai Ehwal Ekonomi	G41/G44/G48/ G52/G54/ Utama C/ Utama B/ Utama A	6
ii.	Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan	G29/G30/G32/G36	6
Jumlah			12

- 2.5 Manakala bagi skim perkhidmatan Pembantu Penyelidik dan Pegawas Hutan pula, tiada sebarang kuota jawatan ditetapkan sekiranya kumpulan Pelaksana ini ingin melanjutkan pelajaran di mana-mana institusi pengajian awam namun ia masih tertakluk kepada pertimbangan dan persetujuan Ketua Perkhidmatan.
- 2.6 Berikutan keinginan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi semakin meningkat di kalangan pegawai-pegawai di Jabatan ini, maka bilangan JSL sedia ada tidak dapat menampung permohonan yang diterima. Justeru itu, pegawai berkenaan telah membuat permohonan melanjutkan pelajaran

secara separuh masa dan permohonan kemudahan Cuti Tanpa Rekod (CTR) dengan menggunakan pемbiayaan sendiri bagi tujuan melanjutkan pelajaran.

- 2.7 Rentetan daripada itu, pegawai yang telah mendapat tawaran telah meneruskan hasrat melanjutkan pelajaran ke mana-mana institusi pengajian awam dengan menggunakan kemudahan CTR tanpa mendapatkan kelulusan Ketua Perkhidmatan terlebih dahulu. Situasi ini memberikan permasalahan kepada Ketua Perkhidmatan dan Ketua Jabatan iaitu :
- i) Pegawai-pegawai berkenaan melanjutkan pelajaran dengan CTR tanpa melalui Ketua Perkhidmatan iaitu KPPSM walhal pegawai tersebut adalah perlantikan Persekutuan walaupun pada masa tersebut bertugas di Jabatan Perhutanan Negeri;
 - ii) Prestasi Ibu Pejabat JPSM atau JPN terjejas apabila ramai pegawai melanjutkan pelajaran dalam satu-satu masa di Bahagian/Unit atau JPN yang sama di mana beban kerja pegawai tersebut terpaksa dipikul oleh pegawai lain; dan
 - iii) Timbul perasaan tidak adil di kalangan pegawai di Bahagian/Unit atau JPN memandangkan terdapat pegawai yang baharu dibuat pengesahan perkhidmatan telah mengikuti pengajian secara CTR.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Bagi mengimbangi keperluan pegawai JPSM untuk meningkatkan ilmu pengetahuan tanpa mengganggu tugas hakiki yang sedang disandang, JPSM mencadangkan satu pengurusan yang sistematik dan teratur bagi memberikan situasi ‘menang-menang’ kepada semua pihak. Maka, Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Bilangan 3 Tahun 2022 ini memberikan

panduan kepada Pegawai Perkhidmatan Bukan Gunasama perlantikan Persekutuan di JPSM untuk melanjutkan pelajaran samada secara sepenuh masa atau separuh masa.

- 3.2 Pekeliling ini dikeluarkan untuk memperkemaskan semula prosedur melanjutkan pelajaran ke IPT sama ada di dalam mahupun di luar negara dengan kemudahan CBBP, CBBPDB mahupun CTR. Pegawai atau kakitangan yang akan melanjutkan pelajaran perlu bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berikut:

i. Sebelum Melanjutkan Pelajaran :

- Pegawai samada bertugas di Ibu Pejabat JPSM mahupun di JPN melalui Ketua Jabatan masing-masing perlu mengemukakan permohonan :
 - a) **SECARA DALAM TALIAN SEPENUHNYA** (*end to end*) dengan menggunakan sistem e-HLP atau Hadiah Latihan Persekutuan bagi pengajian peringkat Ijazah Sarjana atau Doktor Falsafah; atau
 - b) **SECARA BERTULIS** kepada Pengarah Bahagian Latihan Perhutanan (PBLP) untuk melanjutkan pengajian peringkat Sarjana atau PhD dengan pembiayaan sendiri; atau
 - c) **Mengisi permohonan Program Penajaan Kumpulan Pelaksana (PPKP) bagi pengajian secara SEPENUH MASA ATAU SEPARUH MASA melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my>.** untuk pengajian Peringkat Ijazah Sarjana Muda. Calon juga perlu menghantar semua borang permohonan yang lengkap beserta dokumen-dokumen sokongan kepada pihak Urus setia JPSM pada satu tarikh yang ditentukan; atau

- d) Apa-apa juua kaedah permohonan yang telah ditetapkan oleh JPA dari semasa ke semasa.
- Semua permohonan untuk melanjutkan pelajaran akan dipertimbang dan diputuskan dalam Panel Pemilihan Calon Melanjutkan Pelajaran JPSM yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia; dan
- Pegawai perlu memastikan telah mendapat kebenaran atau kelulusan dari Panel Pemilihan Calon Melanjutkan Pelajaran JPSM untuk melanjutkan pelajaran bagi menikmati kemudahan CBBP, CBBPDB atau CTR dari Ketua Jabatan sepanjang tempoh pengajian.

ii. Semasa Melanjutkan Pelajaran :

- Pegawai perlu mengemukakan slip keputusan peperiksaan bagi setiap semester kepada PBLP bagi tujuan rekod dan penyelarasan.

iii. Selepas Melanjutkan Pelajaran :

- Pegawai perlu melaporkan diri ke Ibu Pejabat JPSM untuk kembali bertugas apabila telah tamat tempoh pengajian yang diluluskan samada pengajian tersebut dapat diselesaikan ataupun tidak. Sebarang permohonan untuk penyambungan pengajian perlu mendapatkan kelulusan dari Ketua Perkhidmatan terlebih dahulu; dan
- Pegawai perlu mengemukakan satu salinan tesis, transkrip atau Sijil Kelayakan Akademik atau apa-apa Sijil Pentaulianan yang telah diperolehi semasa pengajian kepada PBLP bagi tujuan rekod dan penyelarasan.

4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN

- 4.1 Pegawai atau kakitangan yang memohon untuk melanjutkan pelajaran secara sepenuh masa atau separuh masa hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut :
- i) Pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap;
 - ii) telah disahkan dalam perkhidmatan;
 - iii) telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun;
 - iv) mempunyai Laporan Nilaian Prestasi Tahunan dengan purata markah minimum 85% bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut;
 - v) bersih daripada pertuduhan dan tindakan tatatertib serta bebas daripada dakwaan mahkamah;
 - vi) telah mengisytiharkan harta mengikut Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993; dan
 - vii) Tertakluk pada syarat-syarat terkini yang dikeluarkan oleh pihak JPA.

- 4.2 Syarat had umur melanjutkan pelajaran adalah seperti berikut :
- i) **Belajar Sepenuh Masa** - Berumur tidak lebih daripada 45 tahun bagi peringkat Doktor Falsafah, 50 tahun bagi peringkat Sarjana/Diploma Lepasan Ijazah dan 45 tahun bagi peringkat Sarjana Muda, Diploma dan Sijil pada tahun-tahun yang dinyatakan. Walau bagaimanapun syarat ini tertakluk kepada peraturan had umur yang ditetapkan oleh JPA atau agensi penaja dari semasa ke semasa.
 - ii) **Belajar Separuh Masa** - Tiada had umur ditentukan bagi pembiayaan sendiri. Walau bagaimanapun, pengajian yang dibiayai oleh JPA atau agensi penaja perlu mematuhi had syarat umur yang ditetapkan.
- 4.3 Mana-mana pegawai yang diluluskan untuk melanjutkan pelajaran secara separuh masa perlu mempunyai baki perkhidmatan sekurang-kurangnya 10 tahun sebelum bersara pada semester pertama pengajian.
- 4.4 Mana-mana pegawai yang diluluskan untuk melanjutkan pelajaran juga adalah tertakluk kepada bidang pengajian / pengkhususan / kajian yang diluluskan oleh Panel Pemilihan Calon Melanjutkan Pelajaran JPSM.

5.0 KESIMPULAN

Garis panduan permohonan bagi melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) atau mana-mana institusi pengajian awam samada di dalam atau luar negara secara sepenuh masa atau separuh masa kepada Pegawai Perkhidmatan Bukan Gunasama perlantikan Persekutuan di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) akan dapat meningkatkan lagi tahap kompetensi dan potensi pegawai di bawah seliaan Ketua Perkhidmatan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

6.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta dan terpakai di semua negeri di Semenanjung Malaysia.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' INDERA MOHD RIDZA BIN AWANG)

Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

Tarikh : 17 Jun 2022